



**PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD**  
(Human Resources Development Berhad)  
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA  
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA  
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

29 Mei 2003

---

**PEKELILING MAJIKAN BIL. 4/2003**

**PENGUNAAN BORANG BARU BAGI PEMBAYARAN ELAUN BULANAN PERANTIS  
DI BAWAH SKIM PERANTISAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan majikan penaja di bawah Skim Perantisan, Pembangunan Sumber Manusia Berhad mengenai penggunaan borang baru untuk pembayaran elaun bulanan perantis.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pekeliling Majikan Bil 17/2002 bertarikh 31 Disember 2002 mengenai pembayaran elaun bulanan perantis di bawah Skim Perantisan Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah menetapkan prosedur baru mengenai penajaan perantis dan pembayaran elaun bulanan mereka. Walau bagaimanapun, adalah didapati bahawa penggunaan borang senarai kehadiran bagi tujuan pembayaran elaun bulanan perantis telah menimbulkan kekeliruan dikalangan majikan penaja dan perantis sendiri. Bagi mengelakkan kekeliruan ini dan elaun bulanan perantis lambat dibayar, PSMB telah mengeluarkan prosedur dan borang baru bagi tujuan pembayaran elaun bulanan perantis.

**3. PENGGUNAAN BORANG BARU**

- 3.1 Syarat-syarat penajaan dan pembayaran elaun bulanan perantis seperti dinyatakan dalam Pekeliling Majikan Bil. 17/2002 masih lagi terpakai. Walau bagaimanapun, perenggan 3.5 dan borang senarai kehadiran pada Pekeliling tersebut dibatalkan. Borang baru bagi tujuan pembayaran elaun bulanan perantis adalah seperti di Lampiran A pada Pekeliling ini.
- 3.2 Borang baru ini hendaklah diguna dan disahkan oleh majikan penaja semasa perantis menjalani latihan on-the-job dan oleh penyedia latihan semasa perantis mengikuti latihan off-the-job.
- 3.3 Adalah diingatkan bahawa perantis akan layak mendapat elaun bulan penuh sekiranya kehadiran mereka melebihi 75% dari jumlah hari latihan dan pemotongan akan dibuat bagi hari-hari yang tidak dihadiri sekiranya perantis kurang dari 75%.

**4. PERINGATAN**

- 4.1 Kedua-dua majikan penaja dan penyedia latihan adalah diingatkan sekali lagi bahawa mereka boleh didakwa di bawah Seksyen 41, Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001, jika cuba atau didapati telah memperolehi apa-apa bantuan kewangan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) melalui dokumen yang palsu atau yang mengelirukan.

**5. PENUTUP**

5.1 Sekiranya majikan mempunyai sebarang pertanyaan, pegawai PSMB yang boleh dihubungi untuk mendapatkan keterangan lanjut adalah:

(i) Hashim bin Mustafa  
(nombor telefon: 03-20984841); dan

(ii) Marina binti Rahim  
(nombor telefon: 03-20984847)

**6. TARIKH KUAT KUASA**

6.1 Pekeliling Majikan ini berkuat kuasa pada 1 Jun 2003.

Sekian, terima kasih

**"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN"**

**"BERSAMAMU MEMBINA DAYA SAING NEGARA"**

Yang ikhlas,

**(AMIRNUDDIN BIN MAZLAN)**

Pengarah Besar Kewangan  
b.p Ketua Eksekutif  
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

